**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI PAHANG**
Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000
Faks : 609-516 4931
Laman Web : http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang

*Ruj. Tuan :*

*Ruj. Kami :* ANM.PHG.600.15/2/4 Jld 2 (24)

*Tarikh :* 17 Oktober 2023

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran**
**(Seperti di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada **para 2.4.4 Lampiran F: Semakan dan Pengesahan Laporan dalam Persekitaran Elektronik Sepenuhnya (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019)**, PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan mengemukakan kepada JANM Pahang selewat-lewatnya **pada 14 haribulan bulan berikutnya**.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Terimaan sehingga bulan September 2023 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi Jabatan-jabatan dibawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan September 2023.**

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri).** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

| | | |
|---|---|---|
| i) | Puan Nur Nizaha binti Khalid | 09-5915029 |
| ii) | Puan Puteri Zanariah binti M Zawawi | 09-5915022 |

Sekian terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(SITI ZAINAB BINTI ISMAIL C.A.(M), CPA (*Aust*))**
Ketua Penolong Pengarah
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang